

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 7/2006**

=====

**PEMBERITAHUAN KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI
DALAM PROSES MEMINDAHMILIK DAN MENCAGAR UNTUK
HARTA YANG DIPEROLEHI MELALUI LELONGAN AWAM
HENDAKLAH TIDAK DIGUNAPAKAI**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan supaya menasihatkan semua Pendaftar Hakmilik dan Pendaftar Tanah supaya **tidak perlu** untuk mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dalam proses memindahmilik dan mencagar untuk harta yang diperolehi melalui lelongan awam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Terdapat kekeliruan pemahaman berdasarkan seksyen 301 Kanun Tanah Negara 1965 di antara Pejabat-pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan suatu rujukan mengenai perkara ini telah dibuat kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.

2.2 Proviso seksyen 301 Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan ‘... dengan syarat mana satu perakuan jualan telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan

dengan mana-mana tanah digadai atau pajakan di bawah subseksyen (3) seksyen 259 atau subseksyen (4) seksyen 265, mana-mana kehendak untuk memperolehi kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah pajakan tersebut hendaklah tidak digunakan.

3. **ULASAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

3.1 Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor telah menasihatkan seperti berikut ‘... bersetuju dengan pandangan dari Pejabat Tanah Galian Selangor iaitu kebenaran tidak diperlukan sebab proviso seksyen 301 Kanun Tanah Negara sudah jelas mengenainya”.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh semasa.

5. **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Negeri Selangor.

T.T
(ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Selangor.

Tarikh : 8 Ogos 2006